

# ISLAM DENGAN PILIHAN RAYA SEKARANG

(oleh Ahmad Ibrahim)

Di dalam suatu jamuan makan malam yang diadakan baharu-baharu ini, seorang Melayu dalam ucapannya telah menceritakan bagaimana dalam Pilihan Raya Majlis Undangan Singapura yang baharu lalu ia telah menggunakan sebuah motokar yang disediakan oleh seorang calon Muslim supaya ianya yang menjadi pengundi dapat memilihnya menjadi Ahli Majlis Mesyuarat tersebut. Nampaknya dianya tadi sedikit pun tidak berasa ragu-ragu dengan perbuatannya itu tetapi sebaliknya pula ia berasa megah bahawa ia telah berbuat demikian. Banyak calon-calon dalam Pilihan Raya tersebut telah merungut akan perbuatan tidak adil yang dilakukan oleh calon-calon yang berlawanan dengannya dan mereka telah berkata bahawa mereka tidak akan lagi sudi hendak menjadi calon-calon di dalam Pemilihan-pemilihan Raya lagi. Bilangan orang-orang yang mengundi dalam Pemilihan Raya hanyalah sebilangan kecil sahaja daripada bilangan orang yang mempunyai cukup syarat untuk mengundi. Segala-galanya ini adalah menunjukkan bahawa cara Pilihan Raya yang dijalankan di Singapura sekarang belumlah sampai betul-betul ke peringkat yang dikatakan suara atau perwakilan yang berdasarkan demokrasi.

Cara-cara peraturan demokrat yang sedang dijalankan di England dari semenjak berkurun-kurun itu adalah terbit atau pun berusul asal dari kalangan yang sehabis-habis rendah sekali dalam masyarakat yakni dari golongan orang-orang kebanyakan. Tetapi di Malaya cara-cara peraturan yang seumpama ini adalah mula diperkenalkan yakni dijalankan dari orang-orang yang digolongan atas. Oleh itu belumlah sampai masanya dapat dikatakan sama ada cara-cara yang dikatakan tadi sesuai dengan keadaan-keadaan hidup dan adat resam berbagai-bagai bangsa di dalam Malaya ini.

Adalah tepat pada tempatnya jika didatangkan pertanyaan tidakkah

ada satu cara yang lain yang orang-orang Melayu di Malaya ini dapat mengikutnya. Di dalam Islam tidak ada satu perlembagaan yang tetap tetapi di dalam Al-Quran Al-Karim dan juga di dalam hadis-hadis Nabi kita boleh mendapat beberapa petua atau dasar-dasar yang boleh memimpin kita dalam kerja menyusun perlembagaan-perlembagaan kita. Jika kita diselidiki dengan saksama dapatlah diketahui dengan nyatanya bahawa perbuatan mendakyahkan kebolehan diri sendiri kerana berkehendakkan menyandang sesuatu jawatan mengikut pilihan atau pun sesuatu jawatan tinggi dalam pemerintahan negeri adalah tidak dibenarkan sebagaimana yang disabdakan oleh junjungan kita dalam perkara ini. Misalnya apabila ia didapati oleh Abu Musa Al-Ashaari dan meminta supaya ianya diberi suatu jawatan kerajaan maka dengan segera junjungan kita berkata – “Dengan nama Allah, kami tidak melantik seseorang yang meminta atau pun yang berkehendakkan sangat untuk menyandang jawatan ini.” Jika sekiranya dasar-dasar yang seumpama ini diikuti maka berertilah walau sekalipun kita terima peraturan-peraturan Pilihan Raya, kita sepatutnya melarang calon-calon daripada membuat syarahan di sana sini bagi pihak dirinya sendiri supaya ianya mendapat pilihan.

Pada masa yang sudah-sudah penganjur-penganjur siasah Melayu di Malaya ini telah bekerja dan memikirkan rancangan kerja mereka mengikut cara-cara peraturan parlimen British. Kekal fahaman dan kerja-kerja mereka nampaknya seolah-olah seperti satu salinan cara peraturan parlimen British. Bukan sahaja cara-cara peraturan yang dikatakan itu menjadi lunas kemajuan perkara-perkara siasah mereka tetapi cara-cara peraturan yang serupa itulah juga yang diikutnya dalam urusan-urusan kelab-kelab atau persekutuan-persekutuan mereka. Misalnya dalam persekutuan-persekutuan mereka maka Yang Dipertua dan ahli-ahli jawatankuasanya adalah dilantik oleh ahli-ahli persekutuan tersebut dalam suatu mesyuarat agung untuk memegang jawatan selama setahun

walaupun sekalipun cara yang sedemikian ini akan berjaya menjadi berakar umbi dan diterima pada amnya akan tetapi orang-orang Muslim mestilah menuntut supaya diadakan pindaan yakni perubahan. Parlimen di England adalah berkuasa dan boleh mengubah apa juga undang-undang sama ada yang sudah berjalan bertahun-tahun ataupun undang-undang yang khas digubal. Tetapi cara-cara atau peraturan-peraturan Islam menegaskan bahawa undang-undang yang diturunkan oleh Tuhan itulah yang Maha Agung dan tidak boleh dipengaruhi. Maka dari sebab itulah tidak ada seorang manusia, hatta parlimen sekalipun yang boleh mengubah undang-undang ini. Al-Quran Al-Karim itu tidak ada tolok bandingnya – (Ayat 47:5) “Barangsiapa tidak menghukumkan dengan hukum Allah yang diturunkannya maka dialah yang sebenar-benarnya orang yang laknat.”

Ada lagi satu cara pemerintahan yang boleh diakui atau dipersetujui oleh adat resam Islam. Menurut cara peraturan ini kuasa yang Maha Agung adalah diserahkan kepada seorang amir yang dipilih oleh rakyat untuk menyandang jawatan tersebut seumur hidupnya atau pun sehingga masa ia dilucutkan dari jawatannya disebabkan oleh kurang kelayakan ataupun disebabkan ianya melakukan sesuatu perbuatan yang melanggar undang-undang. Amir yang dipilih itu tidaklah boleh menjadi seorang diktator oleh kerana ia tidak boleh melanggar undang-undang yang disebutkan di dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Dalam segala-gala hal ia mesti berunding dengan suatu majlis atau anggota yang mengandungi beberapa orang untuk dibicarakan mengikut pengajaran di dalam Al-Quran (Ayat 38:42) bahawa – “Segala perkara yang mengenai pengikut-pengikutnya hendaklah dirundingkan di antara pengikut-pengikutnya.” Majlis perundingan atau anggota yang dikatakan tadi bolehlah juga menjadi majlis mesyuarat yang dipilih dan majlis ini adalah menjadi anggota yang berkuasa undangan tertinggi.

Di kalangan kemajuan siasah orang-orang Melayu hari ini nampaknya perlu bagi adanya seorang penganjur yang terkemuka

dan segala keputusan-keputusan yang diambilnya dapat diikuti oleh orang-orang Melayu dengan sebulat suara dan tidak payah bersoal jawab lagi. Selalu sekarang kita dapati apabila seorang menjadi penganjur maka banyaklah orang yang berdengki hati dengannya. Orang-orang ini akan bekerja atau mencari jalan untuk mendatangkan fitnah dan pesona yang boleh merosakkan akhlak penganjur tadi. Orang-orang Melayu berkehendakkan tiga syarat yang elok. Pertama – kepercayaan. Kedua bersatu padu. Ketiga – tertib. Ketiga-tiga syarat ini adalah rayuan Qaidi Azam Muhammad Ali Jinnah di Pakistan. Marilah kita bersama-sama memilih seorang penganjur yang kita fikir boleh memimpin kita semua. Penganjur ini hendaklah seorang yang berkebolehan dan boleh memimpin kita semua taat kepada undang-undang Islam. Oleh kerana segala keputusan-keputusan yang diambilnya kelak menjadi keputusan-keputusan yang muktamad dan diterima dengan tidak bersoal jawab lagi melainkan keputusan itu melanggar undang-undang Islam, maka sebelum ia mengambil keputusan-keputusan itu hendaklah ianya berunding dengan seberapa banyak orang yang boleh berunding sebagai berpegang kepada pengajaran di dalam Al-Quran (Ayat 38:42) bahawa – “Segala perkara yang mengenai pengikut-pengikutnya hendaklah dirundingkan di antara pengikut-pengikutnya.” Semua orang yang di bawah pimpinannya hendaklah tertib dan bersatu padu.

Pada hari ini orang-orang Melayu ada mempunyai banyak penganjur-penganjur kecil yang memimpin kumpulan masing-masing yang kecil juga dengan demikian semua tenaga dan kebolehan mereka adalah terbahagi-bahagi dan mereka tidak ada mempunyai satu tujuan yang tetap. Apa yang kita kehendakkan sekarang ialah persatu paduan tenaga yang tersusun di bawah pimpinan seorang penganjur yang waras ikhlas dan dipercayai untuk menjalankan usaha-usaha kita sehingga tercapai cita-cita kebangsaan kita walau bagaimana rupa cita-cita kita itu sekalipun. Dengan jalan inilah insya-Allah kita akan dapat mencapai kejayaan di dalam dunia ini dan di akhirat juga.